

Penamaan Calon PRK UMS berjalan lancar

NST 2.11.13 8

KOTA KINABALU: Proses Penamaan Calon Pilihan Raya Kampus (PRK) Universiti Malaysia Sabah (UMS) berjalan dengan lancar di Anjung Siswa Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA).

Proses penamaan calon itu yang bermula jam 9.00 pagi hingga 12.15 tengah hari menyaksikan seramai 20 calon bertanding bagi merebut sembilan daripada 10 kerusi Kawasan Umum yang dipertandingkan dalam PRK UMS pada 31 Oktober ini.

Ia merangkumi 16 calon untuk tujuh kerusi di kampus induk, manakala selebihnya adalah calon yang bertanding bagi merebut dua kerusi di UMS Kampus Antarabangsa Labuan. Kerusi Umum di UMS Kampus Cawangan Sandakan pula menyaksikan Anwar Tawee menang tanpa bertanding untuk menyandang kerusi tersebut bagi sesi 2013/2014.

Sementara itu, bagi Kawasan Sekolah memperhatikan seramai 27 calon akan

bertanding bagi merebut 14 kerusi daripada 28 kerusi yang dipertandingkan.

Calon-calon bagi lima buah sekolah yang lain pula telah mencatatkan laluan mudah apabila berjaya menyandang kerusi yang ditawarkan dengan kemenangan tanpa bertanding. Sekolah tersebut ialah Sekolah Kejuruteraan dan Teknologi Maklumat (SK-TM), Sekolah Sains Makanan dan Pemakanan (SSMP), Sekolah Perniagaan Lestari (SPL), Sekolah Pengajian Seni (SPS) dan Sekolah Perhutanan Tropika Antarabangsa (SP-TA).

Sekolah Perubatan (SPU) dan Pusat Pengajian Pasca-siswazah pula menyaksikan tidak ada calon yang akan bertanding dalam PRK itu nanti.

Pilihanraya Kampus diadakan pada setiap tahun bagi membentuk barisan kepimpinan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) berlandaskan peraturan Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU).